

Kuala Lumpur: Kementerian Wilayah Persekutuan tidak akan berkompromi dengan tindakan warga asing yang disyaki melanggar peraturan dan menjalankan perniagaan di sekitar ibu kota.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, pihaknya melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa menjalankan operasi bagi mengawal lambakan warga asing.

“Kita sedia maklum isu warga asing di ibu kota adalah isu berterusan. Ini ke-

Warga asing langgar peraturan akan diambil tindakan

rana Bandaraya Kuala Lumpur menjadi tempat tumpuan mereka untuk mencari nafkah dan meneruskan kehidupan.

“Bagaimanapun, DBKL menjalankan operasi dari semasa ke semasa.

“Warga asing akan diambil tindakan (jika melanggar undang-undang), apatah la-

gi jika mereka terbabit dalam aktiviti masyarakat setempat seperti perniagaan dan sebagainya,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Unitar, UPM dan PRIHATIN serta Penyerahan Sumbangan Kepada Anak-Anak Wilayah Perse-



kutuan di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas laporan khas Harian Metro mengenai ke-

banjiran warga Bangladesh yang memonopoli perniagaan barangan terpakai di Lorong Haji Taib dekat Chow Kit, di sini.

Jalaluddin berkata, pihaknya akan mengambil tindakan dan berusaha memastikan perkara itu tidak berterusan serta menjadi lebih teruk.

Akhbar Harian Metro semalam melaporkan, Lorong Haji Taib yang dahulunya terkenal dengan jolokan sebagai tempat aktiviti tidak bermoral seperti pelacuran, penagihan dadah dan gangsterisme terutama

pada waktu malam kini dimonopoli warga Bangladesh dengan menjalankan perniagaan barangan terpakai.

Bermula jam 3 petang, mereka mula sibuk membuka khemah untuk menjual barangan terpakai seperti pakaian, kasut, dan barangan kulit di sepanjang lorong berkenaan.

Berdasarkan tinjauan Harian Metro mendapati kumpulan itu bukan saja diupah oleh peniaga tempatan untuk bekerja malah ada antara mereka yang menjalankan perniagaan itu sendiri.